



YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA

YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA MALAYSIA

## KENYATAAN TENDER

(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di dalam Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta **beralamat di Negeri Kedah sahaja.**

TAJUK PROJEK	KOD BIDANG	TARIKH BUKA	TARIKH, MASA & TAKLIMAT	TARIKH TUTUP
Tawaran Tender Bagi Kerja-Kerja Menaiktaraf Secara Reka & Bina Bangunan 3 Tingkat Sebagai Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) Kedah	<b>Kelas G4 B, CE &amp; ME</b>  No. Tender : YKN/PP/ PSSS-KDH/ 2023	<b>17 Ogos 2023</b>	<b>14 September 2023</b>  <b>11.00 Pagi</b>  <b>Tempat:</b>  No 101, Jalan BSG 2, Bandar Stargate, Lebuhraya Sultanah Bahiyah, 05400 Alor Setar, Kedah.	<b>5 Oktober 2023</b>  <b>(Sebelum jam 12.00 tengah hari)</b>

2. Petender hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih **sah** tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan mendapat dokumen:-
  - i) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**
  - ii) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat **Bumiputera** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**Satu salinan sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan **YKN** semasa menyediakan dokumen. **YKN** berhak menolak permohonan yang pada tanggapan **YKN** tidak layak.
3. Dokumen tender boleh diperolehi selepas taklimat.
4. **Wakil syarikat adalah TIDAK DIBENARKAN** untuk mendapatkan dokumen. Hanya **PEMILIK SYARIKAT / PENAMA** yang dibenarkan mendapatkan dokumen dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN DAN SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** sebagai pengesahan. **Satu (1) pembekal hanya dibenarkan mengambil satu (1) dokumen tender bagi setiap tender dan mengemukakan satu (1) tawaran tender sahaja.**

5. **YKN** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **YKN** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
6. Dokumen tender yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan No. Tender dan Tajuk Kerja di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di pejabat:

**Peti Tender,  
Yayasan Kebajikan Negara, Malaysia  
Pejabat Zon Utara II,  
Anjung Singgah YKN Pulau Pinang,  
53, Jalan Lebuah Chulia, George Town,  
10200 George Town, Pulau Pinang**

**Pada atau sebelum tarikh tutup tender jam 12.00 tengah hari**

7. Dokumen tender yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tender tidak akan diterima.

Dikeluarkan Oleh :

  
Urusetia  
Yayasan Kebajikan Negara, Malaysia

